



Turse (kanan), Wisadkosin (dua dari kiri), Pengarah Urusan Runcit dan Penedaran Sime Darby's Motors Malaysia, Jeffrey Gan (dua dari kanan) dan Pengarah Global Program Ranger, Ford Motor Company, Pritika Maharaj pada pelancaran Ford Ranger generasi baharu di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

Ranger baharu serba boleh

Model terkini
penuhi keperluan
pengguna ditawarkan
pada harga
bermula
RM108,888

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ford Motor Company dan rakan pendedar tempatannya, Sime Darby Auto Connexion (SDAC) melancarkan model pikap generasi baharu, Ford Ranger ke pasaran tempatan yang ditawarkan pada harga bermula RM108,888.

Model Ranger generasi baharu di Malaysia ditawarkan dengan tujuh varian berbeza, termasuk dua varian XL yang dijual pada harga atas jalan tanpa insurans bermula RM108,888, XLT (dua varian) dari RM124,888, XLT

Plus (RM142,888) dan WildTrak (RM168,888).

Varian berprestasi tinggi, Ranger Raptor akan dilancarkan pada suku keempat tahun ini.

Presiden Penedaran Pasaran bagi ASEAN dan Asia Pasifik Ford Motor Company, Yukontorn Wisadkosin, berkata Ranger sentiasa menjadi kenderaan yang selalu boleh diharapkan untuk peniaga kecil, keluarga, peminat kembara, kegunaan komersial dan banyak lagi di lebih 180 pasaran seluruh dunia.

“Dengan ciri baharu yang menawarkan lebih kebolehan dan kepelbagaian ciri, kami percaya Ranger generasi baharu akan terus membawa revolusi dalam segmen trak pikap dan mempertingkatkan lagi daya tarikkannya yang sedia hebat dalam pasaran,” katanya.

Pengarah Urusan Sime Darby Auto Connexion-Ford, Turse Zuhair pula berkata, corak penggunaan trak pikap yang lebih daripada sekadar untuk kerja berkembang di Malaysia, terutama dalam golongan berpendapa-

tan tinggi.

“Mereka sebelumnya lebih memilih menggunakan kenderaan utiliti sukan (SUV), tetapi kini semakin cenderung terhadap Ranger, terutama WildTrak, disebabkan kebolehannya untuk tujuan kerja, teknologi terbaru dan ruang dalaman seakan kereta premium.

“Kami yakin Ranger generasi baharu akan memenuhi keperluan dan kemahuan khalayak yang lebih luas sebagai kenderaan serba boleh untuk kerja, keluarga dan riadah,” katanya.

Idaman pelanggan

Sebagai Ranger paling pintar, penuh kepelbagaian dan banyak fungsi, model generasi baharu ini menawarkan trak pikap idaman pelanggan untuk tujuan kerja, keluarga dan riadah.

Dari aspek visual, Ranger generasi baru tampil penuh berani dan yakin, dengan reka bentuk luar tegap dan penuh tekad yang berkongsi DNA dengan rekaan trak global Ford.

Rekaannya menampilkan gril

baharu, lampu depan bentuk C yang sinonim dengannya, serta garis pintu halus bersama lengkung tayar yang lebih ketara, menampilkan Ranger yang lebih kukuh.

Buat pertama kali juga, Ford Ranger menawarkan lampu depan LED matriks (bagi WildTrak dan XLT Plus) dengan lampu tinggi automatic, manakala lampu belakang pula direka secara harmoni dengan imej wajah hadapannya.

Aspek utama dalam pengalaman penghubung Ranger adalah skrin sentuh besar 10.1-inci atau 12-inci yang terbaik di tengah paparan pemuka.

Ia melengkapi panel instrumen digital dan mengandungi sistem informasi, hiburan dan komunikasi SYNC 4A pengaktifan suara terbaru oleh Ford.

Ranger generasi baharu hadir dengan pilihan dua warna iaitu Sedona Orange dan Luxe Yellow untuk Wildtrak, selain warna sedia ada iaitu Arctic White, Meteor Grey, Aluminium Metallic, Lightning Blue dan Absolute Black (bergantung kepada varian).